

# Layanan Cukai Manfaat Untuk Pekerja Berdasarkan Bajet 2009



Bersama  
**SALIHIN ABANG**  
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)  
Asna Tax Services  
Sdn Bhd  
www.salihin.com.my



**K**ITA sedia maklum bahawa Bajet 2009 telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 29 Ogos 2008. Perbentangan Bajet 2009 lebih tertumpu kepada langkah-langkah yang akan memastikan kesejahteraan yang telah kita bina selama ini terus terjamin. Memandangkan keadaan persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan global kini menghadapi cabaran dan yang tidak menentu, adalah penting untuk kita

memperkuhkan lagi daya tahan ekonomi supaya kita berupaya menangani kesan persekitaran luar yang semakin sukar dan lebih mencabar.

Bertemakan bajet Kerajaan Perintah, kerajaan telah dan akan melaksanakan pelbagai langkah bertujuan meringankan beban kos sara hidup rakyat, terutamanya ke atas golongan berpendapatan rendah dan sederhana juga kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Antara inti pati Bajet 2009 ada-

lah berkaitan dengan layanan cukai pendapatan ke atas elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit. Sebelum Bajet 2009, elaun dan manfaat berupa barangan yang diterima oleh pekerja akan dikenakan cukai. Walau bagaimanapun terdapat beberapa manfaat yang diberikan kepada pekerja dikecualikan cukai. Antara manfaat yang dikecualikan cukai sebelum Bajet 2009 adalah seperti Jadual 1.

Bagi menggalakkan lagi usahawan atau majikan memberi lebih manfaat kepada pekerja dan membantu mengurangkan kos sara hidup, Bajet 2009 mencadangkan agar pengecualian cukai diberikan ke atas elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit lain yang diterima daripada majikan. Antara tambahan pengecualian cukai adalah seperti Jadual 2.

Perbelanjaan elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit oleh majikan dibenarkan potongan sepenuhnya sebagai perbelanjaan perniagaan walaupun tidak dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan pekerja. Tetapi untuk pemeriksaan dan audit cukai adalah digalakkan para majikan menyatakan secara bertulis.

Pengecualian ini tidak dibenarkan kepada pengarah syarikat terkawal, pemilik tunggal dan perkongsian.

## PENERANGAN TAMBAHAN Pemberian Barangan Daripada Majikan Sendiri

Di samping itu, majikan juga

**JADUAL 1**

<b>MANFAAT DAN ELAUN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkuisit dalam bentuk anugerah perkhidmatan cemerlang, keselamatan dan perkhidmatan lama diberikan pengecualian cukai sehingga RM1000 setahun;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Rawatan perubatan dan pergigian;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjagaan anak di pusat penjagaan anak yang disediakan majikan;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Nilai barangan atau perkhidmatan majikan sendiri yang diterima oleh pekerja sebanyak RM200 setahun;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Telefon bimbit melebihi RM300 dan bil telefon melebihi RM300;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Yuran langganan jalur lebar;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengangkutan percuma dari perhentian tertentu atau dari rumah ke tempat kerja (pergi/balik);</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Makanan dan minuman yang disediakan secara percuma;</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja sekiranya berlaku kemalangan; dan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Tambang percutian termasuk makanan dan penginapan dalam Malaysia yang tidak melebihi 3 kali dalam 1 tahun kalendar atau tambang percutian ke luar Malaysia sekali dalam 1 tahun kalendar tidak melebihi RM3000.</li> </ul>


boleh memberi barangan secara percuma atau pada harga diskaun kepada pekerja tidak melebihi RM1000 setahun.

### Subsidi Kadar Faedah Bagi Pinjaman

Kerajaan juga telah memberi pelepasan cukai untuk individu bagi subsidi kadar faedah oleh majikan bagi pinjaman yang dibuat sehingga RM300,000.

Di samping kadar faedah pinjaman untuk perumahan, subsidi kadar faedah ini juga meliputi pinjaman untuk kenderaan penumpang bermotor dan pinjaman pendidikan.

### Penutup

Secara amnya, Bajet 2009 menggalakkan usahawan atau majikan menyediakan pelbagai manfaat kepada pekerja tanpa merugikan kedua-dua pihak. Perkara tersebut haruslah dipertimbangkan oleh majikan di samping memainkan tanggungjawab sosial yang lain. Pekerja akan menikmati pendapatan boleh guna (disposable income) yang lebih tinggi dan majikan secara tidak langsung akan menikmati produktiviti yang meningkat. Adalah disarankan usahawan atau majikan mengambil kesempatan daripada Bajet 2009 dengan membuat perancangan pengajian untuk majikan dan pekerja. 

## JADUAL 2

MANFAAT DAN ELAUN
• Kad petrol atau elaun petrol atau elaun perjalanan dari rumah ke tempat kerja (pergi/balik) sehingga RM2400 setahun – berkuat kuasa dari taksiran 2008 hingga 2010 ;
• Kad petrol atau elaun petrol atau elaun perjalanan dan kad tol atau urusan rasmi sehingga RM6000 setahun;
• Elaun atau fi meletak kenderaan – tiada had dinyatakan;
• Elaun makan – tiada had dinyatakan;
• Elaun atau subsidi penjagaan anak-anak sehingga RM2400 setahun;
• Telefon, telefon bimbit, bil telefon, <i>pager</i> dan <i>personal data assistant</i> (PDA) dan langganan internet – tiada had dinyatakan;
• Barangan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun yang sama nilai diskaunnya tidak melebihi RM1000 setahun;
• Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun dengan syarat manfaat ini tidak dipindahkan kepada pihak lain;
• Subsidi kadar faedah bagi pinjaman berjumlah sehingga RM300 000 untuk perumahan, kenderaan penumpang bermotor dan pendidikan. Pengecualian diberi ke atas pinjaman sedia ada dan pinjaman baru;
• Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan materniti dan perubatan tradisional seperti <i>ayurvedic</i> dan akupunktur – tiada had dinyatakan; dan
• Perkuisit sedia ada diperluaskan kepada anugerah berkaitan inovasi, peningkatan produktiviti atau kecekapan seperti <i>Six Sigma Award</i> serta nilai pengecualian dinaikkan daripada RM1000 kepada RM2000 setahun.

		Sebelum Bajet 2009	Bajet 2009
	RM	RM	RM
Gaji (RM4,000 x 12 bulan) =	48,000	48,000	48,000
Elaun petrol (RM200 x 12)	2,400	2,400	-
Fi meletak kereta (RM150 x12)	1,800	1,800	-
Elaun jaga anak (RM200 x 12)	2,400	2,400	-
Elaun makan (RM200 x 12)	2,400	2,400	-
Jumlah Pendapatan =		57,000	48,000
(-) Pelepasan Diri sendiri		(8,000)	(8,000)
Anak (seorang)		(1,000)	(1,000)
Pendapatan Bercukai		48,000	39,000
Cukai yang dikenakan RM35,000 pertama		1,525.00	1,525.00
Berikutnya @ 12%		1,560.00	480.00
JUMLAH CUKAI KENA BAYAR		3,085.00	2,005.00
Penjimatan cukai =		RM1,080.00	

**PERCUMA!**

**KLINIK CUKAI**

Walk-in Consultation  
(setiap Jumaat)

- 9 pagi - 12 tengahari
- 2 petang - 5 petang

atau email: [info@salihin.com.my](mailto:info@salihin.com.my)  
(24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji  
anda di talian 603 61874678 atau  
email kami sekarang!!

\*\* Tertakluk kepada terma dan syarat